Membincangkan keperluan-keperluan klausa di atas semasa mesyuarat seperti Mesyuarat Pengurusan.

Contoh pembuktian:

Minit Mesyuarat Pengurusan yang memutuskan pemakaian klausa-klausa yang terdapat dalam standard dan manual kualiti.

**Merujuk kepada
Manual Kualiti UPM**

Klausa 4.4.2

Klausa ini sekadar memaklumkan kewajipan organisasi untuk mengemas kini dan menyimpan maklumat didokumenkan yang telah ditetapkan oleh standard.



KLAUSA 5 Kepimpinan

Klausa 5.1: Kepimpinan

Klausa 5.1.1: Am

Contoh pelaksanaan:

Pengurusan atasan membincangkan perkara tersebut semasa mesyuarat seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan atau menetapkan penyediaan laporan status perkara tersebut secara berkala.

Contoh pembuktian:

Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan, laporan audit dalaman, teks ucapan, salinan e-mel atau laporan penyertaan KIK.

Klausa lain yang berkaitan:

Klausa 9.1.3 – Analisis dan penilaian.

**Bukti
tanggungjawab /
akauntabiliti pihak
Pengurusan
UPM/PTJ kepada
pelaksanaan Sistem
Pengurusan Kualiti**

Klausa 5.1.2: Fokus kepada pelanggan

Contoh pelaksanaan:

Pengurusan atasan membincangkan perkara tersebut semasa mesyuarat seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

Contoh pembuktian:

Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

Klausa lain yang berkaitan:

Klausa 9.3.2 c (1) – kepuasan pelanggan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan yang relevan.



Klausa 5.2: Dasar

Klausa 5.2.1: Membangunkan dasar kualiti

Contoh pelaksanaan dan pembuktian:

Pengurusan atasan menandatangani dokumen dasar kualiti yang memenuhi keperluan di atas.

Dasar Kualiti yang telah dihebahkan dan difahami oleh warga PTJ

Klausa 5.2.2: Mengkomunikasikan dasar kualiti

Contoh pelaksanaan:

Membincangkannya dalam mesyuarat seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan menetapkan dasar kualiti sebagai salah satu kandungan dalam klausa 7.4.

Contoh pembuktian:

Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan, pelaksanaan klausa 7.3, pelaksanaan klausa 7.4, salinan e-mel, papan notis dan teks ucapan.

Klausa 5.3: Peranan, tanggungjawab dan bidang kuasa organisasi

Contoh pelaksanaan:

Pelaksanaan klausa 9.2 dan membincangkannya semasa mesyuarat seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

Contoh pembuktian:

Salinan surat pelantikan pegawai pelaksana MS ISO agensi, salinan surat pelantikan juruaudit dalaman, salinan surat perwakilan kuasa, laporan audit dalaman dan Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

Merujuk kepada bukti pelantikan, surat kuasa dan senarai tugas.

AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

KLAUSA 6 Perancangan

Klausu 6.1: Tindakan menyatakan risiko dan peluang

Klausu 6.1.1

Agensi boleh menggunakan kaedah yang bersesuaian dalam menentukan risiko dan peluang yang perlu ditangani. Walau bagaimanapun, sekiranya agensi telah mempunyai Pelan Pengurusan Risiko, dokumen tersebut boleh digunakan bagi memenuhi keperluan ini. Bagi agensi yang tidak mempunyai Pelan Pengurusan Risiko, agensi digalakkan untuk mewujudkan.

Contoh pelaksanaan:

Membincangkan dan menentukan risiko serta peluang dalam mesyuarat seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ataupun menjadikannya sebagai agenda wajib dalam setiap mesyuarat berhubung produk dan perkhidmatan.

Contoh Pembuktian:

Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan atau mesyuarat berkaitan.

Klausu lain yang berkaitan:

Klausu 9.3.2 (e) - keberkesanan tindakan yang diambil bagi menangani risiko dan peluang.

**Merujuk kepada Daftar Risiko PTJ –
Senarai risiko, tahap penilaian,
Kawalan dan Strategi Tindakan
serta bukti tindakan**

Klausu 6.1.2

Contoh pelaksanaan:

Membincangkan keperluan klausu dalam mesyuarat seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ataupun menjadikan ia sebagai agenda wajib dalam setiap mesyuarat berhubung produk dan perkhidmatan.

Contoh pembuktian:

Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan, mesyuarat berkaitan dan dokumen SPK seperti klausu 4.4.1.

Klausu lain yang berkaitan:

Klausu 9.3.2 (e) – keberkesanan tindakan yang diambil bagi menangani risiko dan peluang.



AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

Klausu 6.2: Objektif kualiti dan perancangan untuk mencapainya

Klausu 6.2.1

Agensi dikehendaki untuk mewujudkan dokumen objektif kualiti dan mengkomunikasikannya.

Contoh pelaksanaan:

Mengkomunikasikannya melalui perhimpunan bulanan, e-mel, papan notis dan mesyuarat.

Contoh pembuktian:

Dokumen objektif kualiti, salinan teks ucapan dan minit mesyuarat.

Merujuk laporan pencapaian:

(1) KPI UPM

(2) Pelan Tindakan Peringkat Fungsian

(3) Piagam Pelanggan

Klausu 6.2.2

Contoh pelaksanaan:

Membincangkan keperluan klausu semasa mesyuarat seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan semasa melaksanakan klausu 9.1.3.

Contoh pembuktian:

Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan hasil pelaksanaan klausu 9.1.3.

Output klausu ini akan menjadi input kepada klausu 9.1.3.

Klausa 6.3: Merancang perubahan

Contoh pelaksanaan:

Membincangkan perkara ini semasa mesyuarat seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

Contoh pembuktian:

Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

Output merancang perubahan merupakan input bagi klausa 9.3.2 (d), 9.3.3 (b) dan 9.3.3 (c).

Klausa lain yang berkaitan:

- (1) Klausa 7.1.6 - pengetahuan organisasi
- (2) Klausa 8.1 - perancangan dan kawalan operasi
- (3) Klausa 8.5.6 - kawalan perubahan

Merujuk kepada perancangan untuk menambahbaik Sistem Pengurusan Kualiti

AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

KLAUSA 7

Sokongan

Klausu 7.1: Sumber

Klausu 7.1.1: Am

Klausu ini memaklumkan tindakan yang perlu diambil oleh agensi. Kaedah pelaksanaan dan pembuktian adalah melalui pelaksanaan klausu 7.1.2 hingga 7.1.6.

Klausu 7.1.2: Modal insan

Contoh pelaksanaan:

Mesyyarat Kajian Semula Pengurusan, Mesyyarat Panel Pembangunan Sumber Manusia, waran perjawatan dan permohonan pegawai PSH.

Contoh pembuktian:

Minit Mesyyarat Kajian Semula Pengurusan, Minit Mesyyarat Panel Pembangunan Sumber Manusia, waran perjawatan dan permohonan pegawai PSH.

Merujuk kepada kecukupan sumber manusia, kemudahan infrastruktur yang disediakan serta persekitaran (sosial, psikologi & fizikal)

Klausu 7.1.3: Prasarana

Antara kaedah pengauditan adalah melalui pemerhatian.

Contoh pembuktian:

Senarai peralatan pejabat, daftar aset, daftar harta modal, Minit Mesyyarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ), borang permohonan penggunaan utiliti, borang baik pulih, borang penyelenggaraan sistem, SPANCO, kontrak pembersihan dan laporan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

Klausu 7.1.4: Persekitaran untuk operasi proses

Antara kaedah pengauditan adalah melalui pemerhatian.

Dalam melaksanakan klausu ini, agensi hendaklah mengambil kira dan mematuhi keperluan pihak berkepentingan seperti piawaian Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Contoh pembuktian:

Ruang menunggu untuk pelanggan yang selesa dan sesuai, dan arahan penutupan suis lampu semasa waktu rehat yang secara tidak langsungnya memberikan masa rehat yang secukupnya kepada warga kerja bagi mengelakkan berlakunya kesilapan atau kemalangan semasa melaksanakan kerja.



AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

Klausu 7.1.5: Sumber pemantauan dan pengukuran

Klausu 7.1.5.1: Am

Keperluan klausu ini meliputi pengukuran secara kualitatif dan kuantitatif.

Agensi dikehendaki untuk menentukan dan menetapkan perkara yang perlu dipantau, diukur atau dinilai dan memastikan pemantauan dan pengukuran tersebut diselenggarakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Kesemua dokumen penyelenggaraan, pemantauan dan pengukuran perlu disimpan sebagai rekod bagi tujuan pembuktian kepada pematuhan.

Contoh pelaksanaan:

Pemantauan:

Merakam panggilan telefon bagi memastikan maklumat yang disampaikan adalah tepat dan bertanya kepada pelanggan sama ada perkhidmatan atau produk yang diserahkan memenuhi kehendak pelanggan ataupun tidak, borang maklum balas dan laporan audit.

Pengukuran:

Peralatan - penimbang mengikut Akta Timbang dan Sukat 1971 (Pindaan 2007)
Perkhidmatan - teori Analisis Faedah Kos (*Cost Benefit Analysis*) atau tarikh sah laku lesen juruaudit.

**Merujuk kepada Kalibrasi/
penentukuran
- Senarai alat yang perlu
ditentukur dan rekod
penentukuran.**

Klausu 7.1.5.2: Kebolehkesanan pengukuran

Klausu ini merangkumi tentukur dan tentusah (*calibration of instrument*) terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi dan yang diterima oleh agensi.

Contoh pelaksanaan dan pematuhan:

Klausu (a) menghantar produk ke makmal bagi tujuan pengukuran, menyimpan keputusan pengukuran tersebut, mematuhi tempoh sah laku keputusan tersebut dan menghantar semula produk ke makmal untuk pengukuran semula apabila telah tamat tempoh sah laku keputusan pengukuran.

Klausu (b) mengenal pasti dan mematuhi tarikh luput pada kotak produk.

Klausu (c) mematuhi manual penggunaan/penyimpanan/penyelenggaraan pada kotak, peralatan atau sijil.



Klausa 7.1.6: Pengetahuan organisasi

Agensi hendaklah memastikan pengetahuan yang ada di agensi dikongsi bersama-sama warga yang lain bagi menjamin kelangsungan dan keberkesanan proses secara berterusan.

Contoh pelaksanaan dan pematuhan:

Sesi perkongsian ilmu (*knowledge sharing*), nota dan lain-lain.

Contoh pembuktian:

Buletin, slaid sesi perkongsian ilmu, myPortfolio, majalah dan artikel jurnal.

**Bagi memastikan ilmu pengetahuan yang diperoleh kekal dalam organisasi.
Rekod perlu dikemaskini dan tersedia untuk rujukan warga UPM/PTJ**

AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

Klausa 7.2: Kekompetenan

Agensi hendaklah menentukan kekompetenan yang diperlukan dan memastikan kekompetenan tersebut diperoleh dan dicapai oleh warga organisasi yang terlibat.

Contoh pelaksanaan:

Agensi menghantar Pegawai Kajian yang tidak mempunyai kepakaran menjalankan kajian ke kursus berkaitan seperti Kursus Penyediaan Kajian Berkesan dan lain-lain.

Contoh pembuktian:

Sijil kehadiran, rekod kehadiran kursus atau kelayakan masuk jawatan.

Merujuk kepada keperluan Latihan & senarai Latihan yang dihadiri oleh staf berdasarkan tugas/tanggungjawab

Merujuk kepada bukti kesedaran warga UPM/PTJ memahami Dasar, Objektif Kualiti serta sumbangan mereka dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti

Klausa 7.3: Kesedaran

Antara kaedah pengauditan adalah dengan bertanyakan kepada warga agensi tentang dasar kualiti dan objektif kualiti agensi. Agensi hendaklah memastikan setiap warga agensi mengetahui dasar kualiti dan objektif kualiti agensi.

Contoh pelaksanaan:

Agensi memaklumkan perkara tersebut semasa mesyuarat bahagian, seksyen, unit, Program Transformasi Minda (PTM) dan perhimpunan bulanan.

Contoh pembuktian:

Minit mesyuarat, nota PTM dan teks ucapan.

Klausa lain yang berkaitan:

7.4 - Komunikasi

Klausa 7.4: Komunikasi

Komunikasi luaran adalah termasuk komunikasi di antara agensi dengan pihak berkepentingan.

Penerimapakaian Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam memenuhi keperluan klausa ini kerana panduan tersebut adalah berdasarkan ISO 15489-1.

Contoh pelaksanaan:

Komunikasi dalaman: mesyuarat berkala, e-mel dan lain-lain.

Komunikasi luaran: Surat rasmi, e-mel dan kenyataan akhbar yang ditentukan oleh pihak Pengurusan Atasan tertakluk pada perkara yang terlibat.

Contoh pembuktian:

Komunikasi dalaman dan luaran – minit mesyuarat, salinan e-mel, salinan surat dan salinan kenyataan akhbar boleh digunakan sebagai pembuktian kepada pematuhan.

Kepala surat yang mengandungi tanda pensijilan MS ISO juga merupakan satu medium komunikasi dalaman dan luaran memaklumkan bahawa agensi melaksanakan SPK berasaskan MS ISO.

Merujuk kepada bukti komunikasi telah dibuat sama ada melalui komunikasi dalaman (pelanggan dalaman) atau komunikasi luaran (pihak berkepentingan)

AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

Klausa 7.5: Maklumat didokumentasikan

Klausa 7.5.1: Am

Maklumat didokumenkan bagi pelaksanaan dan pematuhan standard adalah tidak terhad kepada dokumen yang diwujudkan oleh agensi bagi memenuhi keperluan standard tetapi termasuk rekod dan dokumen yang diterima daripada pihak luar.

Klausa 7.5.2: Mewujudkan dan mengemas kini

Agensi dikehendaki untuk mewujudkan elemen-elemen seperti di perkara (a) dan (b).

Perkara (b) tidak mengehadkan kepada satu format sahaja, agensi boleh memilih untuk mewujudkan dua dokumen dalam dua bahasa berbeza dan dua media berbeza (Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, dan media kertas dan media elektronik).

Agensi adalah tertakluk pada Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam dan pematuhan terhadap panduan tersebut boleh dianggap sebagai pematuhan terhadap keperluan klausa ini.

**Merujuk kepada kawalan dokumen
(Prosedur, AK, GP, Borang dsb.)
Wujud, kemaskini dan semakan semula
dokumen**

**Merujuk kepada kawalan rekod.
(Klasifikasi fail, selenggara rekod)**

Klausa 7.5.3: Kawalan maklumat didokumentasikan

Klausa 7.5.3.1

Antara kaedah pengauditan adalah melalui pemerhatian seperti memohon warga agensi untuk mengemukakan sesuatu dokumen. Kegagalan mengemukakan dokumen boleh dianggap sebagai ketidakpatuhan.

Contoh pelaksanaan dan pembuktian:

Menerima pakai dan mematuhi Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam, Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam dan Sistem Pengurusan Dokumen Digital (*Digital Document Management System- DDMS*).

Klausa 7.5.3.2

Contoh pelaksanaan dan pematuhan:

Penerimaan dan pematuhan terhadap Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam.

AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

KLAUSA 8

Operasi

Klausa 8.1: Perancangan operasi dan kawalan

Klausa ini secara dasarnya adalah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh agensi untuk melaksanakan SPK.

Pematuhan dan pembuktian adalah melalui pelaksanaan klausa 8.2.1 hingga 8.7.2.

Klausa 8.2: Keperluan untuk produk dan perkhidmatan

Klausa 8.2.1: Komunikasi dengan pelanggan

Contoh:

- a) risalah, piagam pelanggan dan sesi libat urus dengan pelanggan;
- b) kaedah interaksi dua hala antara agensi dengan pelanggan;
- c) maklum balas/aduan pelanggan/kajian kepuasan pelanggan;
- d) borang pengesahan ataupun akuan penerimaan harta pelanggan;
- e) perancangan tindakan pencegahan/pemulihan perkhidmatan secara proaktif.

Klausa 8 merujuk kepada keperluan yang perlu dipatuhi semasa melaksanakan proses operasi/perkhidmatan.

- Pra Universiti, Prasiswazah, Siswazah, Penyelidikan, proses Sokongan dan proses Operasi perkhidmatan Sokongan



AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

Klausu 8.2.2: Menentukan keperluan bagi produk dan perkhidmatan

Selain klausu 8.2.2(a)(1) dan 8.2.2(a)(2), kaedah yang boleh digunakan dalam menentukan keperluan produk dan perkhidmatan adalah dengan mengkaji:

- tujuan produk dan perkhidmatan ditawarkan; dan
- keperluan serta harapan pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Contoh:

Keperluan pelanggan: Perkhidmatan yang cekap dan pantas.

Harapan/ekspektasi/kehendak pelanggan: kad pengenalan gantian dikeluarkan dalam tempoh 2 jam.

Akuan organisasi: kad pengenalan gantian boleh diambil dalam tempoh 2 jam.

Klausu 8.2.3: Kajian semula keperluan untuk produk dan perkhidmatan

Klausu 8.2.3.1

Antara kaedah pengesahan bagi keperluan yang tidak berdokumen adalah dengan mengadakan mesyuarat bersama-sama pelanggan, menghantar e-mel memohon pengesahan daripada/kepada pelanggan atau rakaman perbualan telefon.

Klausu 8.2.3.2

Klausu ini memaklumkan bahawa agensi hendaklah mendokumentasikan tindakan-tindakan yang diambil semasa pelaksanaan klausu 8.2.3.1.

Klausu 8.2.4: Perubahan keperluan untuk produk dan perkhidmatan

Klausu ini meliputi pihak dalaman dan pihak berkepentingan termasuk pelanggan secara interaksi dua hala.

Klausu 8.3: Reka bentuk dan pembangunan produk dan perkhidmatan

Klausu 8.3.1: Am

Klausu ini sekadar memaklumkan kewajipan agensi untuk menyimpan maklumat didokumentasikan dan dokumen maklumat berhubung klausu 8.3.2 hingga 8.3.6.

Klausu 8.3.2: Perancangan reka bentuk dan pembangunan

Agensi perlu mengkaji dan menentukan faktor-faktor di atas yang berkaitan dan relevan dengan agensi. Maklumat tersebut seterusnya perlu dikandungkan dalam dokumen proses reka bentuk dan pembangunan produk dan perkhidmatan agensi.

Klausu lain yang berkaitan:

Klausu 6 – Perancangan

Klausu 8.1 – Perancangan dan kawalan operasi

Klausu 8.3.3: Input reka bentuk dan pembangunan

Agensi perlu mengkaji dan menentukan faktor-faktor di atas yang berkaitan dan relevan dengan agensi. Maklumat tersebut seterusnya perlu dikandungkan dalam dokumen proses reka bentuk dan pembangunan produk dan perkhidmatan agensi.



AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

Klausa 8.3.4: Kawalan reka bentuk dan pembangunan

Klausa ini bertujuan memastikan agensi mengambil tindakan seperti yang telah ditentukan oleh agensi dalam klausa 8.3.2 dan 8.3.3 dengan membuktikannya.

Contoh pelaksanaan:

Membincangkan perkara tersebut dalam mesyuarat bahagian, unit atau seksyen atau menggunakan senarai semak. Format senarai semak perlulah mengandungi maklumat-maklumat seperti perkara (a) hingga (e), tarikh pengesahan dibuat, nama berserta jawatan pegawai yang mengesahkan dan tandatangan pegawai yang mengesahkan. Pengesahan boleh melibatkan pihak luar seperti pengesahan melalui ujian makmal atau pengujian oleh pelanggan.

Contoh pembuktian:

Minit mesyuarat, senarai semak yang telah ditandatangani, keputusan ujian makmal dan pengesahan ujian dan penerimaan pelanggan.

Klausa 8.3.5: Output reka bentuk dan pembangunan

Agensi hendaklah memastikan output reka bentuk dan pembangunan adalah seperti yang telah ditentukan semasa pelaksanaan klausa 8.3.3. Maklumat dan output klausa ini merupakan input bagi klausa 8.5. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah output reka bentuk dan pembangunan yang berbentuk produk dan perkhidmatan itu sendiri.

Contoh output:

Lukisan kejuruteraan, spesifikasi produk, manual penggunaan dan perisian komputer.

Klausa 8.3.6: Perubahan reka bentuk dan pembangunan

Agensi hendaklah memastikan sekiranya perubahan reka bentuk dan pembangunan berlaku, maklumat-maklumat dalam perkara (a) hingga (d) diperoleh dan didokumenkan. Sekiranya perubahan adalah disebabkan oleh pelanggan atau pihak berkepentingan, arahan atau permohonan perubahan tersebut perlulah disimpan dan dikekalkan.

Klausa 8.4: Kawalan terhadap proses, produk dan perkhidmatan sediaan luar

Klausa 8.4.1: Am

Klausa ini sekadar memaklumkan kewajipan agensi untuk melaksanakan klausa 8.4.2 dan 8.4.3.

Agensi hendaklah menyimpan dokumen maklumat berhubung penilaian, pemilihan, pemantauan prestasi dan penilaian semula penyedia luar seperti borang penilaian pembekal dan borang penilaian penceramah.

Pematuhan terhadap 1 Pekeliling Perbendaharaan merupakan pematuhan kepada keperluan.

Contoh pelaksanaan:

Tender dan sebut harga.

Contoh pembuktian:

Salinan tender dan dokumen sokongan seperti salinan sijil berkaitan, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga, laporan pemantauan projek dan laporan serahan projek selesai.

Klausa 8.4.2: Jenis dan takat kawalan

Penyedia luar boleh termasuk antara cawangan seperti Pejabat Tanah dan Galian Negeri dengan Pejabat Daerah/Tanah. Contoh: laporan tanah bagi Hak Milik Pendaftaran Negeri (HSD) tetapi disediakan oleh Pegawai Penempatan Pejabat Daerah/Tanah.

Contoh pelaksanaan:

Menjalankan audit atau naziran terhadap penyedia luar atau mensyaratkan penyedia luar mendapatkan pensijilan sistem pengurusan kualiti.

Contoh pembuktian:

Laporan audit, laporan naziran dan salinan pensijilan.

Klausa 8.4.3: Maklumat untuk penyedia luar

Contoh pelaksanaan:

Surat tawaran, dokumen tender dan sebut harga.

Contoh pembuktian:

Surat Setuju Terima, kontrak dan pesanan tempatan yang telah ditandatangani oleh penyedia luar.



AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

Klausa 8.5: Penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan

Klausa 8.5.1: Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan

Klausa ini bertujuan memastikan perkara-perkara dalam klausa 8.1 dan klausa-klausa berkaitan dalam standard ini dipatuhi dan dilaksanakan seperti yang telah dirancang.

Contoh:

Perkara (a) – klausa 8.1 hingga 8.3.6.

Perkara (b) – klausa 7.1.5.

Perkara (c) – klausa 8.3.4

Perkara (d) – klausa 7.1.3 dan 7.1.4.

Perkara (e) – klausa 7.1.2 dan 7.2

Perkara (f) – klausa 7.1.5.2 dan 8.3.4

Perkara (g) – klausa 6.1

Perkara (h) – klausa 9.1.2 dan 9.1.3

Klausa 8.5.2: Pengenalpastian dan kebolehkesanan

Selain pengenalpastian dan kebolehkesanan output, klausa ini turut menetapkan bahawa pengenalpastian dan kebolehkesanan pada peringkat proses juga diperlukan sekiranya berkaitan.

Contoh kaedah pengenalpastian:

Nombor rujukan, tajuk, kod pengenalan daftar masuk atau nombor bilangan mesyuarat.

Contoh kaedah kebolehkesanan:

Rekod pergerakan fail atau rekod pengambilan dan penyerahan.

Kaedah pengenalpastian dan kebolehkesanan yang telah ditentukan hendaklah dilaksanakan dan didokumenkan bagi memudahkan proses pengenalpastian dan pengesanan apabila diperlukan.

Klausa 8.5.3: Harta kepunyaan pelanggan atau penyedia luar

Sekiranya operasi agensi melibatkan penyimpanan atau pengambilan harta pelanggan atau penyedia luar, agensi hendaklah memastikan bahawa akuan penerimaan harta pelanggan atau penyedia luar diserahkan kepada pelanggan atau penyedia luar tersebut dan apabila agensi menyerahkan kembali harta pelanggan atau penyedia luar, agensi hendaklah memastikan bahawa pelanggan atau penyedia luar menandatangani borang penerimaan atau kutipan.

Agensi perlu menyatakan had tanggungjawab dan peranan agensi dalam akuan penerimaan.

Klausa 8.5.4: Pemeliharaan

Contoh:

Penyimpanan kad pengenalan di tempat yang kering bagi memastikan cip kad pengenalan tidak rosak.

Klausa 8.5.5: Aktiviti selepas hantar serah

Contoh:

Memberi tempoh empat belas hari kepada pelanggan untuk mengemukakan maklum balas atau membuat pembetulan.

Klausa 8.5.6: Kawalan perubahan

Sekiranya terdapat perubahan terhadap produk dan perkhidmatan agensi, agensi hendaklah mengkaji semula dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap keperluan klausa 6.3, 8.3.1, 8.3.6 dan 8.5.1.

Klausa 8.6: Pelepasan produk dan perkhidmatan

Tandatangan pada produk dan perkhidmatan agensi merupakan bukti terhadap keperluan produk dan perkhidmatan telah dipenuhi serta kelulusan pelepasan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan. Terdapat juga produk dan perkhidmatan yang melibatkan dua proses pelepasan iaitu pelepasan oleh agensi dan penerimaan oleh pelanggan (tanda tangan pegawai agensi pada produk dan akuan penerimaan oleh pelanggan seperti kad pengenalan dan pasport).



AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

Klausa 8.7: Kawalan output tak akur

Klausa 8.7.1

Memanggil semula produk yang telah dikeluarkan termasuk yang telah diterima oleh pelanggan, menanggung kerugian, menggantikan semula produk, menawarkan perkhidmatan pembaikan/penggantian secara percuma terhadap produk yang terlibat, menghentikan proses sehingga punca masalah dikenal pasti dan lain-lain tindakan yang sewajarnya.

Klausa 8.7.2

Agensi hendaklah mendokumentasikan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan berserta kelulusan yang diperolehi dalam klausa 8.7.1.

KLAUSA 9

Penilaian prestasi

Klausa 9.1: Pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian

Klausa 9.1.1: Am

Pematuhan dan pembuktian termasuk mengekalkan maklumat didokumentasikan adalah melalui pelaksanaan klausa 4.4, 6.2.1, 7.1.5, 8.1, 9.1.2, 9.1.3, 9.2. dan 9.3.

Klausa 9.1.2: Kepuasan pelanggan

Kajian kepuasan pelanggan, hari bertemu pelanggan dan mesyuarat aduan pelanggan.

Klausa 9.1.3: Analisis dan penilaian

Agensi hendaklah menentukan kekerapan analisis dan penilaian. Hasil pemantauan dan pengukuran merupakan maklumat didokumentasikan dan menjadi input kepada Kajian Semula Pengurusan (klausa 9.3).

Contoh:

Mesyuarat pengurusan, laporan bulanan atau borang penilaian pembekal.

Merujuk kepada keperluan melaksanakan:

- Kajian kepuasan & maklum balas pelanggan
- Melaksanakan analisis dan penilaian dan merekodkan bukti pengukuran dibuat



AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

Klausa 9.2: Audit dalaman

Klausa 9.2.1

Klausa ini sekadar memaklumkan kewajipan agensi untuk melaksanakan klausa 9.2.1.

Merujuk kepada keperluan melaksanakan audit dalaman bagi memastikan keberkesanan dan pematuhan terhadap SPK.

- Rekod pelaksanaan perlu disimpan sebagai bukti tindakan**

Klausa 9.2.2

Agensi boleh menentukan skop pengauditan sama ada pengauditan keseluruhan klausa ataupun sebahagian sahaja. Walau bagaimanapun, agensi dinasihatkan untuk melaksanakan audit terhadap proses berbanding klausa untuk memastikan keberkesanan dan pematuhan terhadap SPK.

Pengurusan Atasan perlulah melantik juruaudit dalaman dan surat pelantikan perlu disimpan sebagai bukti delegasi tugas.

Pihak yang telah dilantik untuk menguruskan urusan audit dalaman pula bertanggungjawab untuk menubuhkan pasukan audit dalaman.

Pengurusan atasan atau pihak yang telah diberi kuasa untuk pengurusan audit dalaman perlulah memastikan kesemua ahli pasukan audit menerima latihan dan mempunyai kelayakan dengan menghadiri kursus-kursus audit dalaman.

Sijil kehadiran juruaudit perlu disimpan.

Hasil audit dalaman perlu disimpan dan dilaporkan ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

Proses audit juga boleh melihat kepada peluang penambahbaikan dan mengurangkan kebarangkalian ketidakpatuhan. Cadangan penambahbaikan yang dicadangkan semasa audit hendaklah diberi pertimbangan sewajarnya untuk dilaksanakan (atas alasan yang munasabah).



AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

Klausa 9.3: Kajian semula pengurusan

Klausa 9.3.1: Am

Klausa ini sekadar memaklumkan kewajipan agensi untuk melaksanakan klausa 9.3.2. dan 9.3.3.

Klausa 9.3.2: Input kajian semula pengurusan

Perkara-perkara yang dinyatakan di atas telah dilaksanakan melalui klausa-klausa berkaitan dalam standard. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kepatuhan, agensi digalakkan untuk menyenaraikan semua keperluan di atas sebagai agenda mesyuarat dan digalakkan untuk melaksanakannya sekurang-kurangnya setahun sekali.

MS ISO 9001: 2015 tidak mewajibkan untuk mewujudkan satu platform khas bagi Kajian Semula Pengurusan. Sehubungan itu, kajian ini boleh dilaksanakan melalui mesyuarat-mesyuarat pengurusan yang dipengerusikan oleh pihak atasan dan topik perbincangan adalah tidak terhad terhadap apa-apa yang telah ditetapkan sahaja.

**Merujuk kepada keperluan melaksanakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP).
- Rekod pelaksanaan perlu disimpan sebagai bukti tindakan**

Klausa 9.3.3: Output kajian semula pengurusan

Minit mesyuarat ialah bukti bagi pelaksanaan ini dan ia perlulah disimpan untuk tujuan rekod, rujukan dan bukti.

Output kajian semula pengurusan merupakan input bagi kajian semula pengurusan yang akan datang.

AUDIT BERDASARKAN KLAUSA STANDARD MS ISO 9001:2015

KLAUSA 10 Penambahbaikan

Klausu 10.1: Am

Contoh penambahbaikan produk dan perkhidmatan bagi memenuhi dan meningkatkan keperluan serta kepuasan pelanggan.

Mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan berpandukan aduan daripada pelanggan dan penambahbaikan produk dan perkhidmatan serta nilai tambah seperti produk dan perkhidmatan yang lebih berkualiti, efisien, murah, mudah diakses (dalam talian), ketahanan produk, tempoh jaminan, perkhidmatan selepas penyerahan/jualan, penghantaran, senyuman dan lain-lain.

Merujuk kepada keperluan melaksanakan:

- **Proses kawalan bagi ketakakuran dan Tindakan pembetulan.**
- **Penambahbaikan secara berterusan.**

Rekod pelaksanaan perlu disimpan sebagai bukti tindakan

Klausu 10.2: Ketakakuran dan tindakan pembetulan

Klausu 10.2.1

Memanggil semula produk yang telah dikeluarkan termasuk yang telah diterima oleh pelanggan, menanggung kerugian, menggantikan semula produk, menawarkan perkhidmatan pembaikan/penggantian secara percuma terhadap produk yang terlibat dan lain-lain tindakan yang sewajarnya.

Klausu 10.2.2

Maklumat-maklumat serta dokumen bagi perkara-perkara dalam klausu 10.2.1 hendaklah disimpan sebagai pembuktian.

Klausu 10.3: Penambahbaikan berterusan

Agensi hendaklah mengkaji dan menilai kesemua keputusan hasil daripada pelaksanaan klausu 9.1.3 dan 9.3. Agensi seterusnya hendaklah melaksanakan tindakan penambahbaikan serta peluang penambahbaikan yang telah ditentukan.






Juruaudit **mencari keakuran**.
Jika Juruaudit **menemui ketidakakuran**
dan
peluang penambahbaikan, juruaudit akan
melaporkan bagi meningkatkan
prestasi organisasi.

- **NCR:** Laporan Ketakakuran
- **OFI:** Peluang Penambahbaikan



CARTA ALIR PROSES JAWAB & TUTUP LAPORAN KETAKAKURAN (NCR)



Klausa 9.2.2.e

‘Membuat **pembetulan** dan **tindakan pembetulan** yang sepatutnya **tanpa lengah**’

PEMBETULAN:

Tindakan yang diambil untuk **membetulkan** perkara yang tidak akur

TINDAKAN PEMBETULAN:

Tindakan yang diambil untuk **menghapuskan punca** ketidakpatuhan supaya pada masa depan ketidakakuran tersebut **tidak akan berulang**



Gambaran bagi Perbezaan Pembetulan & Tindakan Pembetulan



Pembetulan



Kenal pasti punca penyebab



Tindakan Pembetulan



Kenalpasti Punca penyebab
Ketakakuran dan laksana Tindakan
pembetulan **berdasarkan punca
utama** yang telah dikenalpasti

Kaedah Kenalpasti Punca Ketakakuran
menggunakan Teknik mudah
Teknik 5 Whys



- **Tanya secara berulang** ‘kenapa’ sehingga punca dikenalpasti.
- **Tidak semestinya ditanya sebanyak 5 kali.** Ada kalanya punca dapat dikenal pasti lebih awal.



Teknik 5 Whys



Penemuan:

Didapati PTJ tidak mematuhi kod fail dokumen keperluan pelbagai skop sepertimana yang telah ditetapkan di dalam prosedur sistem pengurusan kualiti UPM.

Bukti Objektif:

Fail pelajar siswazah UPM/IPPH/600-4/19/1 GS51126 Pelajar Master. Fail projek penyelidikan UPM/800/3/3/1/GP-IPS/2018/9647000

Contoh NCR Menggunakan Teknik 5W

1. Kenapa Tidak patuh?

PTJ merujuk kod fail dalam Klasifikasi Fail UPM yang terkini dan tidak merujuk kod fail yang dinyatakan dalam prosedur

2. Kenapa tidak merujuk kepada kod fail yang dinyatakan dalam prosedur?

Prosedur masih belum dikemaskini oleh Peneraju dan tidak merujuk kepada Klasifikasi Fail UPM yang terkini

3. Kenapa prosedur tidak dikemaskini oleh Peneraju

Peneraju Proses tidak sedar adanya penggunaan/penguatkuasaan Klasifikasi Fail UPM terkini

4. Kenapa Peneraju Proses tidak sedar adanya penggunaan/penguatkuasaan Klasifikasi Fail UPM terkini?

Tiada hebahan bagi pemakluman penguatkuasaan Klasifikasi Fail UPM terkini oleh Pejabat Pendaftar

5. Kenapa Pejabat Pendaftar tidak membuat hebahan bagi penguatkuasaan Klasifikasi fail terkini?

Klasifikasi Fail UPM terkini terus dimuatnaik dan dipaparkan dalam Laman Web Pejabat Pendaftar, tidak dikomunikasikan melalui medium hebahan rasmi oleh Pegawai Rekod Jabatan Universiti



Contoh NCR Menggunakan Teknik 5W

Punca penyebab:

Klasifikasi Fail UPM terkini terus dimuatnaik dan dipaparkan dalam Laman Web Pejabat Pendaftar, **tidak dikomunikasikan** melalui medium hebahan rasmi oleh Pegawai Rekod Jabatan Universiti

Tindakan Pembetulan

Mewujudkan emel group RRJ PTJ serta membuat hebahan perubahan melalui emel group dan INFO UPM setiap kali perubahan terkini Klasifikasi Fail UPM



Tindakan pembetulan **perlu selari dengan punca** penyebab utama yang telah dikenal pasti

Contoh Tidak menggunakan Teknik yang betul

Penemuan:

Didapati tiada bukti/rekod yang menunjukkan pengukuran produk dijalankan ke atas Piagam Pelanggan BKU

Bukti Objektif:

Piagam Pelanggan - "Masa yang diambil untuk memproses saman lalulintas tidak melebihi minit"

Pembetulan(Jika Ada): Ambil maklum dan tindakan dibuat dengan segera

Punca Penyebab: Terlepas pandang semasa perwujudan Piagam Pelanggan

Tindakan Pembetulan:

Membuat penambahan catatan masa memproses notis kesalahan lalulintas menggunakan stamp cop.

Terlepas pandang
(Bukan punca utama).

**Kenapa
terlepas
pandang?**

**perlu tanya lagi
kenapa (Why)?**

Penemuan Berulang



PTJ perlu **membuat perbincangan secara menyeluruh** melibatkan auditee yang berkaitan bagi **mengenal pasti punca ketakakuran yang tepat** dan dapat melaksanakan **tindakan pembetulan yang berkesan** supaya penemuan yang sama **tidak berulang** pada audit akan datang.

9% penemuan berkaitan tindakan pembetulan tidak berkesan menyebabkan **penemuan berulang** semasa audit dalaman tahun 2020.

PUNCA:

- 1) **pengenalpastian punca yang tidak tepat** semasa melaksanakan tindakan pembetulan pada tahun 2019;
- 2) Pelaksanaan **tindakan pembetulan tidak menyeluruh** di dalam PTJ.

Senarai penemuan audit dalaman di bawah klausa 10.2 (Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan)

[FBSB-NCR-QMS-05 / 10.2 / OSH]

Didapati tindakan pembetulan bagi penemuan Audit Dalam tahun 2019 berkenaan penyelenggaraan Peti Pertolongan Cemas tidak dilaksanakan dengan berkesan.

[FHAS-NCR-QMS-01 / 10.2 / PS]

Didapati tindakan pembetulan terhadap penemuan NCR pada skop prasiswazah yang lepas tidak berkesan (FH-01/8.5.1/PS, FH-03/8.5.1/PS dan FH-09/8.5.1/PS)

[FK-NCR-QMS-06 / 10.2 / PS]

Didapati tindakan pembetulan bagi pengendalian pelajar bermasalah tidak berkesan (Rujuk NCR Tahun 2019 - FK-01/8.5.1/PS). Tiada bukti pengendalian pelajar bermasalah dilaksanakan bagi pelajar yang mendapat kurang 50% dalam Ujian 1 seperti dalam keperluan Prosedur Pengendalian Pelajar Bermasalah (UPM/PU/PS/P013)

[FRSB-NCR-QMS-02 / 10.2 / LAB]

DIDAPATI TINDAKAN PEMBETULAN TERHADAP PENEMUAN NCR YANG LALU DI MAKMAL UNIT FABRIKASI KAYU TIDAK BERKESAN (FRSB-19/7.1.4/OSH).

[IFS-NCR-QMS-13 / 10.2 / PGR]

Didapati PTJ tidak mengambil tindakan pembetulan bagi penemuan ketidakpatuhan Audit Dalaman dengan berkesan.

[FSTM-NCR-QMS-05 / 10.2 / PS]

Didapati tindakan pembetulan untuk NCR FSTM-01 tidak dilaksanakan secara berkesan

[IAQUAS-NCR-QMS-01 / 10.2 / CAL]

Didapati penemuan audit dalaman 2019-bagi proses kalibrasi dan verifikasi NCR-IAQUAS-03 / 7.1.5.1 / CAL masih belum ditutup melebihi tempoh (31 Mac 2020), dan tindakan pembetulan masih belum berkesan

[IDEC-NCR-QMS-05 / 10.2 / IDEC]

Didapati tindakan pembetulan tidak dilaksanakan terhadap penemuan audit dalaman iDEC 2019 (iDEC-01/7.5.2/PGR)

[IKP-NCR-QMS-01 / 10.2 / PS]

Didapati IKP tidak mengambil tindakan untuk menutup ketakakuran terhadap pelajar yang berpindah dari Fakulti Pertanian ke IKP pada 11/4/2019.

[INSPEM-NCR-QMS-01 / 10.2 / KEW]

Didapati tindakan pembetulan bagi penemuan Audit Dalam tahun 2019 berkenaan borang senarai aset tidak dipamerkan pada lokasi yang didaftarkan dalam Sistem FAMS, tidak dilaksanakan dengan berkesan.

[INTROP-NCR-QMS-01 / 10.2 / PGR]

Didapati NCR-INTROP-09/7.2/LAB tidak ditutup dengan sempurna.

[IPPH-NCR-QMS-01 / 10.2 / PGR]

Didapati tindakan pembetulan yang dicadangkan oleh PTJ bagi penemuan audit dalaman tahun 2019 tidak diambil tindakan secara berkesan.

[PEND-NCR-QMS-04 / 10.2 / PEND]

Didapati tindakan pembetulan bagi ketidakpatuhan yang ditemui tidak berkesan.

[PPDN-NCR-QMS-01 / 10.2 / PGR]

Didapati penemuan Ketidakakuran (NCR) semasa Audit Dalaman 2019 (No. NCR : PPDN-02/7.1.5/CAL) iaitu penentuan tidak dilaksanakan mengikut prosedur Penentuan/Verifikasi Peralatan tidak diambil tindakan dengan berkesan.

[SPE-NCR-QMS-01 / 10.2 / PS]

Didapati tindakan pembetulan terhadap penemuan NCR pada skop prasiswazah yang lepas tidak berkesan (FEP-08/8.5.1/PS)

[UCTC-NCR-QMS-01 / 10.2 / PGR]

Didapati tindakan pembetulan tidak di tutup dengan berkesan.



Terima Kasih

 UniPutraMalaysia

 @uputramalaysia

 uniputramalaysia

 universitiputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE